

ORKESTRA RTM – PERKEMBANGAN DAN PERANANNYA  
DI DALAM MEMPERTINGKATKAN SENI MUZIK  
TANAH AIR

OLEH  
MESRAN BIN MOED YUSOP  
85323394

DIPLOMA SENI MUZIK  
KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA  
ITM SHAH ALAM  
SELANGOR

## KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN

i

BAB

### I. PENDAHULUAN

I.1 Pengenalan	I
I.2 Apakah Dia Orkestra Dan RTM	3
I.3 Tujuan Penyelidikan	6
I.4 Kaedah Penyelidikan	8
I.5 Skop Penyelidikan	9
I.6 Tempat Penyelidikan	9
I.7 Permasalahan Di Dalam Penyelidikan	10

### 2. SEJARAH DAN MTLAMAT PENUBUHAN

2.1 Sejarah Sebelum Penubuhan	12
2.2 Sejarah Penubuhan	14
2.3 Matlamat Penubuhan	
2.3.1 Sebagai Media Kerajaan	20
2.3.2 Sebagai Media Hiburan	22
2.4 Masalah Ketika Penubuhan	26
2.4.1 Kemudahan Alat Muzik	26
2.4.2 Kemudahan Studio	28
2.4.3 Kemudahan Rakaman	29
2.4.4 Kekurangan Pemuzik	30

### 3. PERKEMBANGAN

3.1 Tahun 50an	34
3.2 Tahun 60an	40
3.3 Tahun 70an	54
3.4 Tahun 80an	64
3.4.1 Masa Depan Orkestra	69

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah  
lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpeh kurnia dan izin-Nya maka akhirnya dapat juga penulis menyudahkan tesis ini. Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa penulis kerana telah banyak memberi dorongan dan galakan serta kesabaran yang murni menunggu penulis menamatkan pengajian di Institut Teknologi Mara ini.

Setinggi penghargaan dan terima kasih juga penulis tujukan kepada informan-informan serta individu yang telah banyak memberi bantuan serta kerjasama yang tidak terhingga sehingga penulisan ini dapat disempurnakan. Terutama sekali kepada penasihat penulis iaitu En. Nazri Ahmad selaku Ketua Kursus Jabatan Muzik dan Dr. Ariff Ahmad, Pensyarah Sambilan di Jabatan Muzik yang penulis anggap sebagai penasihat yang kedua.

Kepada En. Dol Ramli, En. Ahmad Merican, En. Alfonso Soliano, En. Johari Salleh, S.M. salim, Zain Azman dan Jamaluddin Alias, sesungguhnya hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa baik tuan-tuan di atas kerjasama yang telah diberikan. Di pihak

ORKESTRA RTM - PERKEMBANGAN DAN PARAHANNYA  
DI DALAM MEMPERTINGKATKAN SENI MUZIK  
TANAHAIR.

BAB I

PENDAHULUAN

I.I. PENGEMALAN

Di dalam dunia yang serba moden dan berkembang pesat ini fikiran manusia sering berada di dalam keadaan yang tercabar. Tercabar yang dimaksudkan di sini ialah fikiran yang kusut kerana terlalu banyak berfikir ke arah mempertingkatkan kehidupan masing-masing. Di dalam keadaan yang sebeginilah manusia ada masanya memerlukan ketenangan untuk melapangkan fikiran mereka setelah sekian lama digunakan.

Di dalam zaman yang serba moden ini umum mengetahui bahawa manusia itu apabila di dalam keletihan dan kekusutan, bahan yang sering dicari ialah ketenangan jiwa. Ketenangan jiwalah yang sering dapat meredakan keadaan-keadaan itu. Terutamanya yang berkaitan dengan muzik dan nyanyian. Ini kerana melodi yang lembut dan lahir hasil dari gabungan alat-alat muzik tertentu sering dapat mempengaruhi fikiran manusia. Ramai mengakui hakikat ini bahawa manusia akan berasa tenang apabila mendengar muzik. Bolehlah dikatakan bahawa tanpa hiburan hidup manusia di dalam kekosongan.

Berdasarkan kepada keadaan-keadaan di atas maka muzik yang dihasilkan melalui persembahan orkestra adalah salah satu

dari cabang bagaimana muzik dihasilkan. Malah muzik yang dihasilkan melalui orkestra adalah lebih merdu dan enak didengar.

Melalui orkestra, sesuatu lagu yang dimainkan itu kedengaran lebih lengkap dan padat kerana setiap alat yang ada mempunyai peranan masing-masing di mana ianya cukup untuk membayangkan pengertian orkestra itu sendiri. Apatah lagi manusia sejagat mengakui bahawa muzik merupakan bahasa dunia atau lebih tepat lagi ianya bercorak universal.

Oleh kerana itulah di mana-mana negara pun mempunyai orkestra masing-masing. Ini kerana orkestra boleh digunakan sebagai bahan penghubung di antara satu institusi dengan institusi yang lain. Contohnya, antara kerajaan dengan rakyat. Segala mesej boleh disalurkan melaluiinya. Tidak kira ~~samada~~ orkestra itu dikendalikan oleh kerajaan sepenuhnya ataupun oleh pihak swasta.

Sehubungan dengan itu biarlah penulis contohkan beberapa negara yang mempunyai orkestra sendiri. Di Amerika misalnya, mereka berbangga dengan New York Philharmonic Orchestra, di Britain dengan BBC orchestranya, di Jepun dengan NHK orchestranya, manakala negara jiran terdekat kita iaitu Singapura berbangga dengan Singapore Symphony orchestranya, malah negara kita sendiri tidak kurang hebatnya dengan kewujudan Orkestra RTM.